

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Malaysia bangun pelalihan secara oral, semburan hidung

Beri pilihan kepada rakyat takut jarum untuk suntikan vaksinasi

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia membangunkan vaksin COVID-19, yang boleh dititiskan ke dalam mulut dan semburan hidung.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata pelalihan secara oral dan semburan nasal itu dibuat sebagai pilihan untuk rakyat.

"Ada sesetengah orang yang takut dengan jarum menyebabkan mereka enggan mengambil suntikan vaksin.

"Pelalihan secara oral dan sem-

buran nasal ini memberi pilihan kepada mereka," katanya menjawab soalan tambahan Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) di Dewan Rakyat, semalam.

Kah Woh bertanya sama ada pembangunan vaksin yang dilaksanakan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN), bertumpu pada vaksin COVID-19 sahaja atau vaksin yang lain.

Ahmad Amzad menjelaskan, PPVN tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin COVID-19 semata-mata tetapi turut membabitkan penghasilan vaksin bagi penyakit lain.

Pada masa ini, katanya, ujian vaksin dijalankan terhadap manusia dan beberapa calon sudah melepasi fasa praklinikal vaksin terbabit.

"Insya-Allah, melihat kepada tahap kajian yang dilaksanakan

itu, sekitar 2024 kita ada calon vaksin COVID-19 yang pertama," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan asal Datuk Zakaria Mohd Ederis (PN-Libaran) mengenai perkembangan terkini PPVN serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, beliau berkata, sebanyak RM349.9 juta diperlukan untuk pemerkasaan institut itu sepanjang tempoh 2022 hingga 2025.

"Keperluan peruntukan ini adalah untuk mengatasi jurang yang dikenal pasti dalam penghasilan vaksin sendiri akibat ke-

tiadaan makmal untuk melaksanakan kajian praklinikal dan klinikal yang menepati piawaian, selain kesukaran untuk mendapatkan pakar klinikal, terutama untuk mengawal selia kajian praklinikal dan kajian klinikal fasa satu dalam manusia," katanya.



Ahmad Amzad Hashim



Reaksi kanak-kanak terima vaksin Sinovac di PPV WTC

Kanak-kanak yang menerima suntikan vaksin Sinovac pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) untuk yang berusia 5 tahun hingga 11 tahun di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asdi)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kemuka surat 'Fit To Travel' jika mahu masuk Malaysia

Prosedur bagi pengembara pernah positif, dikuarantin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Individu yang baru dijangkiti COVID-19 serta sudah

tamat tempoh kuarantin dalam jangka masa 60 hari perlu mengemukakan surat *Fit To Travel* daripada pihak hospital jika ingin masuk ke negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata surat berkenaan akan 'mengukuhkan' ujian saringan *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) yang diperlukan untuk masuk ke negara ini.

"Untuk individu di negara ini yang mahu ke luar negara, me-

reka perlu rujuk prosedur negara yang ingin dilawati.

"Mereka kena patuh kehendak negara berkenaan, contohnya melakukan ujian RT-PCR 48 jam sebelum bertolak.

"Tapi untuk prosedur di Malaysia, pengembara yang pernah positif dalam tempoh 60 hari itu perlu kemukakan surat *Fit to Travel* (jika dirawat di hospital) atau jika tak dirawat di hospital, jalani ujian saringan profesional dua hari sebelum berlepas," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Dr Noor Hisham dalam kenyataannya berkata, individu dijangkiti serta selesai menjalani kuarantin tidak perlu membuat ujian ulangan bagi memastikan tiada lagi virus berkenaan di dalam badan.

Beliau berkata, ini kerana ujian seperti RT-PCR itu sangat sensitif dan akan mengesan kehadiran genetik virus berkenaan menerusi saluran pernafasan dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas dijangkiti, misahny dalam tempoh *viral shedding*.

Surat berkenaan akan 'mengukuhkan' ujian saringan Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) yang diperlukan untuk masuk ke negara ini.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Katanya, walaupun keputusan ujian RT-PCR itu masih positif, virus itu sudah tidak dapat membiak dan individu terbit tidak mungkin boleh menyebarkan virus kepada orang lain.



Sebahagian kanak-kanak yang menunggu untuk menerima suntikan vaksin Sinovac pada PICKKids di PPV World Trade Centre, semalam.

Penggunaan katil ICU lebih 50 peratus turun

Putrajaya: Penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus di seluruh negara, menurun dengan lima negeri mencatatkan penggunaan sedemikian berbanding tujuh negeri sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata lima negeri terbit adalah Selangor dan Putrajaya, masing-masing dengan penggunaan 83 peratus, diikuti Johor (70 peratus), Kelantan (69 peratus) serta Kuala Lumpur (54 peratus).

Beliau berkata, dua negeri yang mulai pulih dan penggunaan di bawah 50 peratus adalah Perlis dan Perak.

Bagi penggunaan katil bukan ICU pula, katanya, terdapat 12 negeri yang mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus ketika ini. "Ini membabitkan Selangor dengan penggunaan mencecah 118

peratus, Putrajaya (106 peratus), Perlis (88 peratus), Kuala Lumpur (92 peratus), Perak (90 peratus) dan Kelantan (88 peratus).

"Turut mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus ialah Terengganu dengan 78 peratus, Pahang (70 peratus), Johor (66 peratus), Sarawak (64 peratus), Pulau Pinang (58 peratus) dan Sabah (51 peratus)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Melaka kekal menjadi negeri tunggal mencatat penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) melebihi 50 peratus, dengan 63 peratus penggunaan setakat semalam.

Selain itu, beliau berkata, bilangan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 216 pesakit, menjadikan peratusan penggunaan alat berkenaan kini mencecah 24 peratus.

Jangkitan harian 27,435 kes

Kuala Lumpur: Jumlah kes harian jangkitan COVID-19 di negara ini menunjukkan sedikit penurunan kepada 27,435 kes, kelmarin selepas beberapa hari melepasi angka 30,000.

Angka itu umpama berita baik selepas Malaysia mencatat angka harian tertinggi jangkitan COVID-19 selama tiga hari berturut-turut, dengan 33,406 kes baharu direkodkan, Sabtu lalu, manakala sebanyak 33,209 jangkitan baharu pada Jumaat dan 32,467 kes pada Khamis lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada keseluruhan jumlah jangkitan baharu direkodkan, kelmarin, 27,181 kes adalah penularan tempatan dan 254 kes import, menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat

kepada 3,622,607 kes.

Beliau berkata, kes yang di kesan kelmarin paling tinggi membabitkan pesakit COVID-19 dalam kategori dua, iaitu sebanyak 17,495 kes atau 63.77 peratus, diikuti kategori satu dengan 9,756 kes (35.56 peratus).

"Seramai 89 pesakit dalam kategori tiga, kategori empat (53 kes) dan kategori lima (42 kes)," katanya.

Beliau berkata, kes aktif berkurang sebanyak 2,955 kes kepada 308,251 kes, kelmarin berbanding 311,206 kes aktif dicatatkan, sehari sebelumnya.

Daripada keseluruhan kes aktif, 95.9 peratus pesakit atau 295,704 orang menjalani kuarantin di rumah, manakala 3,510 pesakit ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Selain itu, beliau berkata, seramai 8,658 pesakit lagi kini dirawat di hospital, dengan 379 pesakit dimasukkan ke wad Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada keseluruhan pesakit di ICU, 216 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 30,335 pesakit juga disahkan sembuh, kelmarin, manakala sebanyak 55 kematian direkodkan, dengan 16 daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Beliau berkata, seramai 1,026,732 orang atau 28.9 peratus populasi kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun di negara ini sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids).



Seorang kanak-kanak menerima suntikan vaksin di PPV PICKKids IDCC, Shah Alam, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

Catat 55 kematian kelmarin

Kuala Lumpur: Seramai 15,017,166 individu dewasa atau 63.8 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW, sejumlah 22,927,624 atau 97.4 peratus daripada populasi sama melengkapkan vaksinasi manakala 23,204,433 atau 98.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sebanyak 1,026,732 individu atau 28.9 peratus kumpulan itu menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

Sementara itu, bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, 2,831,197 individu atau 91 peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi manakala 2,931,709 atau 94.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 57,106 dos vaksin diberikan meliputi 24,342 dos pertama, 882 dos kedua dan 31,882 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 67,731,132.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 55 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Kedah merekodkan angka tertinggi iaitu 12 kes.

Ia diikuti Pulau Pinang dengan lapan kes, Johor (7), Terengganu (6), Kelantan (5), masing-masing empat kes di Perak dan Selangor, dua kes masing-masing di Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis serta satu kes direkodkan masing-masing di Pahang, Sabah dan Sarawak.

PENGUNAAN KATIL WAD ICU BAGI MERAWAT PESAKIT COVID-19

Lima negeri melebihi 50%

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit Covid-19 di Selangor, Putrajaya, Johor, Kelantan dan Kuala Lumpur melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil ICU di Selangor adalah 83 peratus, Putrajaya (83 peratus), Johor (70 peratus), Kelantan (69 peratus) dan Kuala Lumpur (54 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, terdapat lima negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus iaitu di Selangor (118 peratus), Putrajaya (106 peratus), Perlis (98 peratus), Kuala Lumpur (92 peratus) dan Perak (90 peratus).

"Bagi katil bukan ICU melebihi 50 peratus direkodkan di Kelantan iaitu 88 peratus, Terengganu (78 peratus), Pahang (70 peratus), Johor (66 peratus), Sarawak (64 peratus), Pulau Pinang (58 peratus) dan Sabah (51 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, hanya Melaka menunjukkan pengisian lebih 50 peratus bagi katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) me-

NARKAN ASUK

gi pelanggan yang
NARKAN ASUK
ak bergejala)



DARIPADA jumlah keseluruhan 203 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 43 kes atau 21.18 peratus belum divaksinasi.

ningkat kepada 216 pesakit.

"Peratusan penggunaan bantuan itu 24 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes jangkitan itu kategori 1 hingga 5 yang baru didiagnosa pada setiap hari.

Katanya, ia memandang-



kan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Pada masa sama, terdapat juga kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

"Semalam (kelmarin); kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital adalah sebanyak

1,756 kes dan daripada jumlah itu, 724 kes atau 41.2 peratus adalah kategori 3, 4, dan 5 manakala 1,032 kes (58.8 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, negara kini merekodkan 27,435 kes baharu penularan Covid-19 kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada

3,622,607 kes.

"Jumlah yang direkodkan itu membabitkan 27,181 kes tempatan dengan 254 kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Daripada 27,435 kes harian, sebanyak 17,495 kes adalah pesakit Covid-19 dalam kategori dua manakala 9,756 kes adalah pesakit kategori satu," katanya.

Katanya, selebihnya bagi kategori tiga terdapat 89 kes (0.33 peratus), kategori empat dengan 53 kes (0.19 peratus) serta bagi kategori lima adalah 42 kes (0.15 peratus).

Katanya, seramai 379 kes memerlukan rawatan di ICU iaitu 122 kes disahkan Covid-19; 257 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan manakala 216 kes memerlukan bantuan pernafasan (73 kes disahkan Covid-19; 143 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

"Daripada jumlah keseluruhan 203 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 43 kes atau 21.18 peratus belum divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelantikan berkenaan manakala 117 kes sudah menerima dua suntikan vaksin tanpa dos penggalak.

"Sebanyak 43 kes sudah menerima dos penggalak, berumur 60 tahun ke atas (119 kes), mempunyai komorbid (67 kes) dan ibu mengandung (satu kes)," katanya.

Bangun vaksin melalui mulut, semburan hidung

mendapatkan vaksin.

"Seperti kita ketahui antara menjadi ketakutan rakyat (mendapatkan vaksin) ialah takut jarum suntikan, maka antara pembangunan yang sedang diusahakan termasuk pemberian vaksin secara oral (mulut) dan nasal spray (semburan hidung)," katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian

bagi menjawab soalan tambahan Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) yang bertanyakan sama ada PPVN tertumpu kepada vaksin Covid-19 sahaja atau vaksin lain serta tempoh pembanguan vaksin Covid-19.

Ahmad Amzad menjelaskan PPVN tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin Covid-19 semata-mata, tetapi turut membabitkan kapasiti secara umumnya bagi

membolehkan Malaysia menghasilkan vaksin untuk penyakit manusia secara tempatan.

Beliau berkata, buat masa ini, Malaysia hanya mempunyai kapasiti menghasilkan vaksin haiwan sahaja.

"Berkaitan tempoh 10 tahun (PPVN) adalah daripada segi pembangunan kapasiti supaya dalam 10 tahun, kita ada kapasiti menghasilkan sepenuhnya pengeluaran

vaksin secara tempatan.

Berkenaan calon untuk vaksin, Ahmad Amzad berkata terdapat beberapa yang sudah melepasi fasa praklinikal dan selepas ini akan menjalani ujian terhadap manusia.

"Insya-Allah kalau melihat kepada tahap kajian yang sudah dilaksanakan itu, sekitar 2024 kita ada calon vaksin Covid-19 yang pertama," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19



SEORANG bapa menemani anak perempuannya untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL). - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Kuala Lumpur

Kerajaan diminta mempertimbangkan untuk menyenaraikan Covid-19 sebagai penyakit berjangkit dalam Pekeliling Perkhidmatan bagi melayakkan ibu bapa yang menjaga anak dijangkiti wabak tersebut menggunakan kemudahan cuti kuarantin bagi menguruskan anak mereka.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Adnan Mat berkata langkah itu, bagi membolehkan ibu bapa khususnya yang menjadi kontak rapat tanpa gejala dan telah menerima dos penggalak mendapat kemudahan lima hari cuti kuarantin tersebut.

Ini kerana, mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), individu dalam kategori berkecenderungan tidak perlu menjalani kuarantin manakala berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016, kemudahan cuti kuarantin ini hanya diberikan kepada ibu bapa yang anak mereka dijangkiti oleh penyakit berjangkit antaranya penyakit tangan, kaki dan mulut; demam denggi; cacar air (*chickenpox*) dan malaria tidak termasuk Co-

Permudah urusan ibu bapa jaga anak

Gesa kerajaan senarai Covid-19 sebagai penyakit berjangkit dalam Pekeliling Perkhidmatan



ADNAN

vid-19.

"Dalam hal ini, mereka tidak boleh hantar anak ke pengasuh, ini menjadi kesukaran untuk menguruskan anak-anak mereka jadi, Cuepacs minta agar cuti

kuarantin ini diberikan kepada salah seorang sama ada ibu atau bapa untuk jaga anak mereka sehingga sihat sepenuhnya.

"Kalau tidak diberikan cuti kuarantin ini, ketua perkhidmatan atau ketua jabatan boleh mempertimbangkan untuk memberi kemudahan bekerja dari rumah dan kembali bertugas lima hari kemudiannya," katanya ketika dihubungi.

Di samping itu, beliau berkata Cuepacs mengambil maklum kepentingan penjawat awam untuk terus berada di lapangan atau pejabat kerana situasi ketika ini menuntut mereka sebagai pelaksana untuk bertugas bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan da-

pat dilaksanakan sebaik mungkin.

"Jadi ketua-ketua perkhidmatan perlu bijak mengurus dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan tidak terjejas oleh kerana jangkitan masih berlaku tetapi dalam masa yang sama sistem penyampaian tidak boleh terhenti begitu sahaja," katanya.

Pada 24 Februari lalu, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan individu berumur 18 tahun ke atas yang menjadi kontak rapat kepada kes positif Covid-19 yang menerima dos penggalak dan tidak bergejala pada hari pertama, tidak perlu menjalani kuarantin bermula 1 Mac 2022.

covid-19

Kemuka surat *Fit to Travel* jika ke Malaysia

Putrajaya: Individu yang baru dijangkiti Covid-19 serta sudah tamat tempoh kuarantin dalam jangka masa 60 hari-perlu mengemukakan surat *Fit To Travel* daripada pihak hospital sekiranya ingin masuk ke negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, surat berkenaan akan 'menguji' ujian saringan *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* yang diperlukan untuk masuk ke negara ini.

"Untuk individu di negara ini yang mahu ke luar negara, mereka perlu rujuk prosedur negara yang ingin dilawati. Mereka kena patuh kehendak negara berkenaan contohnya melakukan ujian RT-PCR 48 jam sebelum bertolak.

"Tapi untuk prosedur di Malaysia, pengembara yang pernah positif dalam tempoh 60 hari itu perlu mengemukakan surat *Fit to Travel*

(jika dirawat di hospital) atau jika tak dirawat di hospital, jalani ujian saringan profesional dua hari sebelum berlepas," katanya.

Kelmarin, Dr Noor Hisham dalam kenyataannya berkata, individu yang sudah dijangkiti Covid-19 serta selesai menjalani kuarantin tidak perlu membuat ujian ulangan bagi memastikan tiada lagi virus berkenaan di dalam badan.

Beliau berkata, ini kerana ujian seperti RT-PCR itu sangat sensitif dan akan mengesan kehadiran genetik virus berkenaan menerusi saluran pernafasan dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas dijangkiti, misalnya dalam tempoh *viral shedding*.

Namun beliau berkata, walaupun keputusan ujian RT-PCR itu masih positif tetapi ia sudah tidak dapat membiak dan individu itu (dijangkiti Covid-19) tidak mungkin boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain.



ORANG ramai mengambil peluang minggu cuti sekolah membawa keluarga mereka bermain air ketika tinjauan di Taman Tema Air Lost World of Tambun, Ipoh, kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Beri vaksin melalui mulut dan hidung

Kaedah baharu dibangunkan berikutan terdapat rakyat Malaysia takut jarum suntikan

KUALA LUMPUR

Malaysia menerusi Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) sedang membangunkan kaedah pemberian vaksin melalui mulut dan semburan hidung, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim.

Beliau berkata, kaedah berbeza selain melalui suntikan itu sedang diteliti kerana terdapat rakyat yang takut jarum picagari

bagi mendapatkan vaksin.

"Seperti yang kita ketahui antara yang menjadi ketakutan rakyat (mendapatkan vaksin) ialah jarum suntikan, maka antara pembangunan sedang diusahakan termasuk pemberian vaksin secara oral (mulut) dan nasal spray (semburan hidung)," katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) yang bertanyakan sama ada PPVN tertumpu kepada vaksin Covid-19 sahaja atau vaksin lain serta tempoh pembangunannya.

Ahmad Amzad menjelaskan, PPVN tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin Covid-19 semata-mata, tetapi turut melibatkan kapasiti secara umumnya



Petugas kesihatan, Nurul Farahin Haron Narashid, 33, mengambil vaksin jenis Sinovac menggunakan picagari sebelum diberikan kepada kanak-kanak ketika Program Imunisasi Kanak-Kanak (PICKids) di IDCC Shah Alam pada Isnin.

bagi membolehkan Malaysia menghasilkan vaksin untuk penyakit manusia secara tempatan.

Buat masa ini, katanya, Malaysia hanya mempunyai kapasiti untuk menghasilkan vaksin haiwan sahaja.

"Berkaitan tempoh 10 tahun

(PPVN) adalah dari segi pembangunan kapasiti supaya dalam tempoh itu, kita ada kapasiti untuk menghasilkan sepenuhnya pengeluaran vaksin secara tempatan," ujarnya.

Berkenaan calon untuk vaksin, Ahmad Amzad berkata, terdapat

beberapa yang telah melepasi fasa praklinikal dan selepas ini akan menjalani ujian terhadap manusia.

"Insya-ALLAH, melihat kepada tahap kajian yang dilaksanakan, sekitar tahun 2024 kita ada calon vaksin Covid-19 yang pertama," katanya. - *Bernama*

AHMAD AMZAD

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Program rumah ke rumah wajar dilakukan - Pakar

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Program memberi suntikan dos penggalak kepada warga emas dari rumah ke rumah wajar dilakukan bagi memberi kemudahan kepada golongan tersebut mendapatkan suntikan tanpa membebankan mereka.

Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kadar imunisasi bagi golongan warga emas akan menurun 30 hingga 50 peratus, jadi golongan tersebut perlu dipastikan mendapat dos penggalak.

Katanya, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) perlu menyediakan inventori menjejaki warga emas bagi membantu dan melancarkan program pemberian dos penggalak.

"JKKK sepatutnya mempunyai senarai berapakah warga emas di dalam kampung tersebut dan



SUNTIKAN dos penggalak perlu diambil warga emas memandangkan kadar imunisasi bagi golongan itu akan menurun 30 hingga 50 peratus. - **UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN**

di manakah golongan itu tinggal. Jadi boleh mengelakkan mereka daripada tercicir dalam mendapatkan dos penggalak.

"Jika kita nak harapkan warga emas sahaja datang, memang sukar disebabkan pelbagai faktor khususnya kesihatan. Selain membuat program dari rumah

ke rumah, kerajaan boleh beri insentif pada keluarga yang membawa sebagai galakkan dan ganjaran pada mereka," katanya semasa dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, klinik kesihatan dan persatuan komuniti perlu turun

padang mencari serta mendekati kira-kira 350,000 warga emas yang menerima dua suntikan vaksin Sinovac untuk diberi dos penggalak.

Malah, Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (Movac) perlu digerakkan semula bagi membantu warga emas yang sukar bergerak atau sukar dihubungkan dengan pengangkutan awam bagi menerima vaksinasi berkenaan.

Dalam pada itu, Pensyarah Perubatan dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Siti Aisah Mokhtar berkata, penyelesaian tersebut tidak boleh digeneralisasi kepada semua.

Jelasnya, ia perlu mengikut keperluan dan keadaan warga emas tersebut, misalnya kawasan tersebut memang sukar untuk melakukan pergerakan keluar masuk yang mana Kementerian Kesihatan (KKM) boleh membawa PPV kepada penempatan tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Bangun vaksinasi melalui mulut, semburan hidung

Oleh HAKIMI ISMAIL
hakimismail@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia menerusi Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) sedang membangunkan kaedah pemberian vaksin melalui mulut dan semburan hidung.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, kaedah itu sedang diteliti kerana ter-

dapat rakyat Malaysia yang takut kepada jarum suntikan vaksin.

"Antara yang menjadi ketakutan rakyat adalah takut kepada jarum suntikan. Maka antara pembangunan yang sedang diusahakan pemberian vaksin secara oral (mulut) dan *nasal spray* (semburan hidung)," katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat bagi menjawab soalan tambahan Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) yang ingin tahu

sama ada PPVN tertumpu kepada penghasilan vaksin Covid-19 atau vaksin-vaksin lain.

Menurut Ahmad Amzad, PPVN tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin Covid-19 semata-mata, sebaliknya melibatkan kapasiti umum untuk penyakit manusia secara tempatan.

"Berkaitan tempoh 10 tahun (hasilkan vaksin), itu adalah dalam segi pembangunan kapasiti agar dalam tempoh itu,

kita ada kapasiti untuk hasilkan sepenuhnya pengeluaran vaksin secara tempatan.

"Bagaimanapun, buat masa ini, Malaysia hanya mempunyai kapasiti untuk menghasilkan vaksin haiwan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, berdasarkan prestasi dan tahap kajian dilakukan ketika ini, sekitar tahun 2024, Malaysia akan mempunyai calon vaksin Covid-19 yang pertama.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : DALAM NEGERI

Ambulans macam van jenazah: 'Itu kes terpencil'

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@medianullia.com.my

PETALING JAYA: Perkhidmatan ambulans dikendalikan swasta yang didakwa tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak mempunyai pembantu perubatan (MA) adalah kes terpencil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, beliau tidak menafikan mungkin wujud kes sedemikian, namun tidak sehingga menjejaskan rawatan awal di ambulans sebelum tiba ke hospital.

Jelasnya, hospital swasta masih mengikuti garis panduan Kementerian Kesihatan berhubung penyediaan MA dan per-

Tak patuh SOP Kementerian, tiada pembantu perubatan

Ambulans macam van jenazah

CHIA ANNEE/ANWAR

AMBULANS seperti van jenazah, perkhidmatan ambulans yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak mempunyai pembantu perubatan (MA) adalah kes terpencil.

petiti ke fatur (cedera).
Beliau berkata, beliau telah
menyampaikan maklumat
kepada pihak berkuasa
terkait mengenai perkara
ini. Beliau berharap pihak
berkuasa akan mengambil
tindakan yang sesuai
untuk memastikan
keselamatan pesakit.

yang akan lebih cepat
untuk mematuhi SOP
dan memastikan
keselamatan pesakit.
Beliau berkata, beliau
harap pihak berkuasa
akan mengambil
tindakan yang sesuai
untuk memastikan
keselamatan pesakit.

pihak kuasa berhubung hospital
persekitaran dan juga akan
melakukan pemeriksaan
kepada ambulans yang
tidak mematuhi SOP.

UTUSAN Malaysia
7 Mac 2022.

alatan perubatan asas.

"Itu kes terpencil dan jangan disebabkan satu atau dua kes, kita memukul rata semua penyampaian kesihatan buruk.

"Kebanyakan hospital yang besar, akan pastikan ambulans mempunyai peralatan lengkap dan sudah pastikan, kami akan mencari vendor yang ada

kelengkapan berkaitan selain sijil kelayakan yang diiktiraf.

"Saya tidak boleh sahkan jika ada kes berlaku, tetapi, akan cuba membantu jika ada hospital kecil yang bermasalah tetapi, saya percaya lebih 90 peratus hospital yang menggunakan khidmat ambulans menggunakan standard ter-

tentu," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini yang memetik Presiden Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia, Mustafa Abdul Majid yang mendakwa, hampir 100 peratus perkhidmatan ambulans swasta ibarat van jenazah.

Dakwaannya itu rentetan perkhidmatannya dilaporkan tidak mematuhi SOP, tiada MA dan perkakas asas bagi memberi rawatan awal kepada pesakit.

Terdapat 1,200 ambulans di seluruh negara dengan 25 peratus dikendalikan swasta termasuk hospital persendirian dan organisasi sukarela.

Utusan Malaysia masih mendapatkan maklum balas Kementerian Kesihatan mengenai laporan tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION / NEWS

QUARANTINE CARE

CUEPACS SEEKS COVID LEAVE FOR PARENTS

Call to add Covid-19 into service circular to enable them to care for infected kids

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
m.basyir@nst.com.my

THE government has been asked to add Covid-19 into its service circular to enable parents to take quarantine leave and care for their infected children.

In a Bernama report, Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services Malaysia (Cuepacs) president Datuk Adnan Mat said this was especially for parents who were asymptomatic close contacts and

had received their booster shot.

Individuals in that category were no longer required to undergo quarantine according to the Health Ministry's standard operating procedure (SOP), but based on Service Circular No. 11/2016, the five-day quarantine leave was provided only to parents of children sick with hand-foot-mouth disease, dengue, chickenpox and malaria, but not Covid-19.

"As such, they cannot send their children to childcare, and it is difficult to manage their children. So Cuepacs is requesting that the quarantine leave be given to one of the parents to allow them to tend to their children until they fully regain

their health.

"If leave is not provided, the head of service or department can consider allowing them to work from home and return to the office five days later," he said recently.

Adnan said Cuepacs understood the importance of civil servants being on the field or at the office as they were required to be on duty to ensure that the government's delivery system was implemented as best as possible.

"So heads of service need to be smart in ensuring that the government delivery system remains unaffected even as infections occur," he said.

According to CovidNow, there were 295,704 people observing

home quarantine, making up 95.9 per cent of the total active cases in the country.

On Feb 24, Health Minister Khairy Jamaluddin announced that individuals aged 18 and above who were close contacts with Covid-19 positive cases and had received their booster doses, but did not display any symptoms on the first day, need not undergo quarantine starting from March 1.

On Sunday, new Covid-19 infections dropped below the 30,000 mark at 27,435 cases, bringing the country's tally to 3,622,607.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 99.33 per cent of the new cases were in Categories 1 and 2 amounting to 27,251 cases.

"The remaining 184 cases are in Categories 3 to 5," he said in a statement yesterday.

Of the Category 3 to 5 cases, 55 were either unvaccinated or yet to complete their vaccination, 85 had completed their vaccination without booster, and 44 had received their booster shots.

A total of 98 cases were aged 60 and above, including 64 with comorbidities and three pregnant women.

Meanwhile, 379 cases were admitted into the Intensive Care Unit (ICU), with 122 being confirmed as Covid-19 positive while the remaining 257 were under investigation. Dr Noor Hisham said 30,335 patients had been discharged in the past 24 hours.

On fatalities, 55 deaths were recorded on Sunday, taking the toll to 33,228 nationwide. Of the number, 16 were brought-in-dead cases, according to the CovidNow website. In the past two weeks, the country had recorded a rate of 21 deaths per million people.



Datuk Adnan Mat

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION / NEWS

SHORTAGE OF ORGANS FOR TRANSPLANTS

OPT-OUT SYSTEM CAN BOOST ORGAN DONATION

Offering incentives may also encourage more people to pledge as organ donors, say experts

NURADZIMMAH DAIM
AND THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA should introduce an opt-out system for organ donations to meet the large demand for organ transplants, especially for kidneys, in the country, say experts.

